NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*


| Jld. 46<br>Bil. 15 | **17 Julai 2003** | *TAMBAHAN No. 1*<br>*ENAKMEN* |
|---|---|---|


Enakmen-enakmen ini yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri, Negeri Perlis pada 5 Mei 2003 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments passed in the Legislative Assembly, Perlis on the 5th day of May 2003 are published for general information:


| Enakmen No. | Nama | Muka |
|---|---|---|
| 1. | Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2002 | 1 |
| | Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2002 | 3 |
| 2. | Enakmen Perbekalan Tahun 2003 | 5 |
| | Supply Enactment 2003 | 7 |

**PERLIS**

## ENAKMEN BIL. 1 TAHUN 2003

BETA SETUJU,

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL,
(MOHOR KERAJAAN) *Pemangku Raja Perlis*

*3 Rabiulawal 1424.*
*5 Mei 2003.*

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas.

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2002.

Pindaan seksyen 3,4 dan 6.

2. (1) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini adalah dipinda:

*(a)* dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

"Saraan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri.

3. Saraan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah berupa elaun bulanan sebanyak Tiga Ribu Tujuh Ratus Tiga Puluh Lapan Ringgit Sembilan Puluh Sen (RM3,738.90).";

*(b)* dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

"Saraan bagi Speaker.

4. Saraan bagi Speaker hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak Lima Ribu Lima Ratus Lima Puluh Tiga Ringgit Sembilan Puluh Sen (RM5,553.90) selain dari elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.";

*(c)* dengan menggantikan seksyen 6(1) dengan seksyen yang berikut:

"Saraan bagi Anggota Pentadbiran.

6. (1) Saraan bagi Anggota Pentadbiran hendaklah berupa:

*(a)* bagi Menteri Besar, gaji bulanan sebanyak Dua Belas Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Enam Ringgit Lima Puluh Sen (RM12,886.50);

*(b)* bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, gaji bulanan sebanyak Lima Ribu Lima Ratus Lima Puluh Tiga Ringgit Sembilan Puluh Sen (RM5,553.90).".

(2) Subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2002.

(3) Walau apa pun seksyen 7 Enakmen ibu, semua gaji dan elaun bulanan yang dinyatakan dalam pindaan-pindaan kepada Enakmen ibu dalam subseksyen (1) dan kena dibayar hendaklah bermula dari 1 Januari 2002 atau dari tarikh perlantikan atau pilihanraya, mengikut mana yang terkemudian bagi Ahli itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 30 haribulan Disember 2002.

AHMAD BIN ZAKARIA,
*Setiausaha Dewan Undangan,*
*Negeri Perlis*

[SUK(Ps.) 05/292.]

**PERLIS**

# ENACTMENT NO. 1 OF 2003

I ASSENT,

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL,
(STATE SEAL) *Regent of Perlis*

*5th May 2003.*
*3 Rabiulawal 1424.*

An Enactment to amend the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980.

[ ]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title.

1. The Enactment may be cited as the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2002.

Amendment of section 3, 4 and 6.

2. (1) The Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980, which in this Enactment is referred to as the "principal Enactment" is amended:

*(a)* by substituting for section 3 the following section:

"Remuneration of Members of the Legislative Assembly.

3. The remuneration of Members of the Legislative Assembly shall consist of a monthly allowance of Three Thousand Seven Hundred and Thirty-Eight Ringgit and Ninety Cents (RM3,738.90).";

*(b)* by substituting for section 4 the following section:

"Remuneration of Speaker.

4. The remuneration of the Speaker shall consist of a monthly salary of Five Thousand Five Hundred and Fifty-Three Ringgit and Ninety Cents (RM5,553.90) in addition to the monthly allowance payable to him as a Member of the Legislative Assembly specified in section 3.";

*(c)* by substituting for section 6(1) the following section:

"Remuneration of the Members of the Administration.

6. (1) The remuneration of the Members of the Administration shall consist of:

*(a)* in the case of Menteri Besar, a monthly salary of Twelve Thousand Eight Hundred and Eighty-Six Ringgit and Fifty Cents (RM12,886.50);

*(b)* in the case of a Member of the Executive Council a monthly salary of Five Thousand Five Hundred and Fifty-Three Ringgit and Ninety Cents (RM5,553.90).".

(2) Subsection (1) shall be deemed to have come into force on the 1st January 2002.

(3) Notwithstanding section 7 of the principal Enactment, all monthly salaries and allowances specified in the amendments to the principal Enactment in subsection (1) and payable shall commence from the 1st January 2002 or from the date of appointment or election, whichever is the later of the Members concerned .

Passed in the State Legislative Assembly this 30th day of December 2002.

AHMAD BIN ZAKARIA,
*Secretary of the State Legislative Assembly,*
*Perlis*

[SUK(Ps.) 05/292.]

**PERLIS**

# ENAKMEN BIL. 2 TAHUN 2003

BETA SETUJU,

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL,
(MOHOR KERAJAAN) *Pemangku Raja Perlis*

*3 Rabiulawal 1424.*
*5 Mei 2003.*

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam tahun 2003 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu.

[ ]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas.

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tahun 2003.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2003.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak lebih daripada Lima Puluh Lapan Juta Tiga Ratus Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM58,304,000.00) dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan di atas pelbagai perkhidmatan bagi tahun 2003 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut itu dalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Jadual:

JADUAL

| Maksud (1) | | Tajuk (2) | Jumlah Peruntukan (3) RM |
|---|---|---|---|
| B. 02 | … | Dewan Undangan Negeri | 1,129,000.00 |
| B. 04 | … | Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 6,948,000.00 |
| B. 05 | … | Pelbagai Perkhidmatan | 8,875,000.00 |
| B. 06 | … | Perbendaharaan Negeri | 956,920.00 |
| B. 07 | … | Perbendaharaan Negeri (Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun) | 9,007,080.00 |
| B. 09 | … | Jabatan Kerja Raya | 12,504,000.00 |
| B. 11 | … | Jabatan Pertanian | 2,196,000.00 |
| B. 12 | … | Jabatan Perkhidmatan Haiwan | 1,186,000.00 |
| B. 13 | … | Jabatan Pengairan dan Saliran | 5,845,000.00 |
| B. 14 | … | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa | 500,000.00 |
| B. 15 | … | Jabatan Kebajikan Masyarakat | 2,314,000.00 |
| B. 16 | … | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam | 2,197,000.00 |
| B. 17 | … | Pejabat Mufti | 423,000.00 |
| B. 18 | … | Mahkamah Syariah | 178,000.00 |
| B. 19 | … | Pejabat Pembangunan Negeri | 291,000.00 |
| B. 23 | … | Jabatan Perhutanan | 969,000.00 |
| B. 25 | … | Jabatan Tanah dan Galian | 2,780,000.00 |
| B. 57 | … | Membeli Tanah | 5,000.00 |
| | | JUMLAH | 58,304,000.00 |

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 4 haribulan Disember 2002.

AHMAD BIN ZAKARIA,
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri,*
*Perlis*

[SUK(Ps.) 05/292.]

**PERLIS**

# ENACTMENT NO. 2 OF 2003

I ASSENT,

SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL,
(STATE SEAL) *Regent of Perlis*

*5th May 2003.*
*3 Rabiulawal 1424.*

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund for the services of the year 2003 and the approriate that sum for the services for the year.

[ ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

1. This Enactment may be cited as the Supply Enactment 2003. Short title.

2. (1) The issue of a sum not exceeding Fifty Eight Million Three Hundred and Four Thousand Ringgit Malaysia (RM58,304,000.00) from the Consolidated Fund for the expenditure on the various services the year 2003 is hereby authorized. Issue and appropriation for services for the year 2003.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in Schedule hereto:

SCHEDULE

| Purpose (1) | | Title (2) | Total Apropriated (3) RM |
|---|---|---|---|
| B. 02 | … | State Legislative Assembly | 1,129,000.00 |
| B. 04 | … | Menteri Besar and State Secretary Office | 6,948,000.00 |
| B. 05 | … | Miscellaneous Services | 8,875,000.00 |
| B. 06 | … | State Treasury | 956,920.00 |
| B. 07 | … | State Treasury (Contribution to Statutory Fund) | 9,007,080.00 |
| B. 09 | … | Public Works Department | 12,504,000.00 |
| B. 11 | … | Agriculture Department | 2,196,000.00 |
| B. 12 | … | Veterinary Services Department | 1,186,000.00 |
| B. 13 | … | Drainage and Irrigation Department | 5,845,000.00 |
| B. 14 | … | Town and Country Planning Department | 500,000.00 |
| B. 15 | … | Social Welfare Department | 2,314,000.00 |
| B. 16 | … | Islamic Religious Affairs Department | 2,197,000.00 |
| B. 17 | … | Mufti Office | 423,000.00 |
| B. 18 | … | Syariah Court | 178,000.00 |
| B. 19 | … | State Development Office | 291,000.00 |
| B. 23 | … | Forestry Department | 969,000.00 |
| B. 25 | … | Land and Mines Department | 2,780,000.00 |
| B. 57 | … | Purchase of Land | 5,000.00 |
| | | TOTAL | 58,304,000.00 |

Passed in the State Legislative Assembly this 4th day of December 2002.

AHMAD BIN ZAKARIA,
*Secretary of the State Legislative Assembly,*
*Perlis*

[SUK(Ps.) 05/292.]

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad.**
**(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA